

'Kita sedang menunggu bukti2 nyata'

17 JAN 1979

Oleh NORDIN MOHAMMAD

KUALA LUMPUR, Selasa. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini, membayangkan bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan tegas ke atas komplot-komplot yang menggunakan nama-nama Bumiputra bagi memohon saham yang dikhaskan untuk Bumiputra.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Kerajaan sedang menunggu bukti-bukti nyata dari Biro Ekonomi dan Kewangan Pemuda UMNO Malaysia untuk tujuan tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir membayangkan demikian ketika ditemui selepas beliau menghadiri mesyuarat pra-konsul ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, di bangunan Parlimen, di sini tengahari ini.

Pendedahan

Beliau diminta mengulas pendedahan yang dibuat oleh Pengerusi Biro Ekonomi dan Kewangan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Najib Tun Razak bahawa beberapa orang yang mempunyai kuasa dalam satu-satu syarikat telah menggunakan pekerja-pekerja Bumiputra mereka bagi mendapatkan saham khas Bumiputra.

Ketika mendedahkan kegiatan komplot tersebut baru-baru ini, Datuk Najib berkata: "Bukti yang kita perolehi itu menunjukkan bank deraf yang dikeluarkan oleh sebuah bank terbesar mempunyai nama Bumiputra, tetapi yang sebenarnya adalah untuk golongan bukan Bumiputra yang telah memeralatkan pekerja Bumiputra."

Menurut Datuk Najib, pekerja-pekerja Bumiputra itu diancam atau diugut jika tidak mahu bekerjasama dengan majikan mereka, seperti dibuang kerja atau menghadapi tindakan yang sewajarnya.

Timbalan Perdana Menteri ketika mengulas berkata: "Perbuatan itu memang satu sabotaj, tetapi kita hendak tahu segala bukti-bukti nyata sebelum mengambil sebarang tindakan."

Langkah berani

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian memuji langkah berani Biro Ekonomi dan Kewangan Pemuda UMNO Malaysia yang telah mendedahkan kegiatan komplot itu.

Beliau berharap usaha-usaha yang baik itu dapat diteruskan.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, sehingga ini beliau belum lagi menerima sebarang laporan atau bukti-bukti nyata daripada pihak biro berkenaan.

Ditanya apakah pandangannya terhadap cara komplot itu mempergunakan pekerja-pekerja Bumiputra untuk kepentingan mereka, Dr Mahathir berkata: "Kaedah ini tidak ubah seperti Bumiputra menjualkan saham mereka kepada bukan Bumiputra."

Mengenai ancaman para majikan untuk membuang kerja bagi pekerja-pekerja yang enggan bekerjasama dengan mereka untuk mendapatkan saham tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir sambil ketawa berkata: "Kita akan lihat apa yang mereka boleh buat."